

Sidang Sains Sukan A-bangsa UMS bermula esok

OLEH JOANES ROBERT JOHNNY
joanes@newsabahtime.com.my

KOTA KINABALU: Sekolah Sains Sukan, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) di bawah kepimpinan Dekan, Profesor Madya Dr. Ismail Ibrahim sekali lagi mengorak langkah ke hadapan apabila bakal menganjurkan Persidangan Sains Sukan Antarabangsa UMS yang pertama (UISSCo2013) bermula esok.

Persidangan antarabangsa yang akan dianjurkan untuk kali pertama tersebut bakal dilangsungkan di Auditorium, Pusat Pengajian Siswazah UMS pada pada 24 sehingga 26 Jun ini.

Penganjuran persidangan sains sukan yang terakhir di UMS adalah pada tahun 2005 iaitu Asia Pacific Sports Science Conference (APASSCO).

Persidangan itu bertujuan untuk menggalakkan perkongsian ilmu, hasil penyelidikan dan pengalaman berkaitan pelbagai bidang dalam sains sukan.

Selain itu, persidangan berkenaan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli akademik tempatan kepada aplikasi berkaitan sains sukan terkini untuk disesuaikan dengan acuan tempatan.

Persidangan ini juga memberi peluang kepada ahli akademik tempatan, jurulatih, pentadbir dan guru sukan untuk mengembangkan pengetahuan mereka dalam bidang sains sukan.

Pengerusi UISSCo2013, Dr. Mohamad Nizam Nazarudin berkata, UISSCo 2013 akan menjadi platform kepada pengamal sains sukan di Malaysia untuk menjalin kerjasama dan perkongsian ilmu dalam kalangan peserta di dalam dan luar negara.

"Hasil daripada pembentangan kertas kerja oleh peserta diharapkan dapat memberi input kepada pihak yang terlibat dalam sukan khususnya di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia dimana kertas pembentangan yang bermutu tinggi akan dipertimbangkan penerbitannya dalam jurnal sukan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Ringkas belia, penganjuran persidangan itu secara langsung mampu memberi manfaat kepada pihak IPT, KPM dan masyarakat sukan di Malaysia khususnya di Sabah.

Selain pihak KPM, Kementerian Belia dan Sukan Sabah (KBSS) turut memberikan sokongan dan bantuan.

KBSS di bawah kepimpinan Menteri Belia dan Sukan Sabah yang baru, Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan telah komited dalam memberi sokongan dan galakan terhadap kemajuan sukan di Sabah khususnya dalam aspek

perkongsian ilmu dan kemahiran berkaitan sains sukan.

"Ini menunjukkan KBSS amat komited dalam usaha membantu mana-mana organisasi yang ingin membantu memajukan sukan di negeri Sabah.


Sehubungan itu, Tawfiq turut bersetuju menjadi tetamu kehormat pada majlis perasmian UISSCo2013 itu di Hotel Sabah Oriental, Kota Kinabalu.

Persidangan berkenaan dijangka akan disertai seramai 300 peserta antarabangsa dan tempatan di mana hampir 100 kertas kerja bakal dibentangkan.

Perhimpunan selama tiga hari ini akan melibatkan bengkel pra-persidangan, pembentangan poster, pembentangan kertas kerja, pembentang ucapan dan pembentang jemputan dari dalam dan luar negara.

Pembentang ucapan dan pembentang jemputan ialah Profesor Dr. Zahari Taha (Teknologi Sukan), Profesor Madya Dr. Mohd Khairi Zawi (Biomekanik), Profesor Dr. Jeff Coombes (Fisiologi Senam) dan Profesor Dr. Shaharudin Abdul Aziz (Psikologi Sukan).

Penganjuran ini tentunya akan menjadi kesinambungan usaha bagi menaikkan martabat program sains sukan UMS setelah memperoleh pelbagai kejayaan dan penghargaan selama ini.



PROF Jeff Coombes bakal membentangkan kertas kerja berkenaan Fisiologi Senam.



BARISAN Instruktur Kursus Sains Sukan negara yang bakal menyertai UISSCo2013.




KAJIAN pencarian bakat di luar bandar Sabah akan turut dibentangkan di UISSCo2013.



PENGANJUR...Dr Nizam, Pengerusi UISSCo2013.



IMBAS kembali pembenta



PETA persidangan.